

NO. SOALAN: 505

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[PERMATANG PAUH]**

**SOALAN : 505**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes berprofil tinggi yang disiasat oleh Bahagian Operasi Khas SPRM dari tahun 2009 hingga tahun 2017, nyatakan butiran kes tersebut dan senaraikan kes-kes berprofil tinggi yang didakwa dan tidak didakwa.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat setiap kesalahan rasuah berdasarkan peruntukkan Akta SPRM 2009 dengan adil tanpa membezakan kedudukan, fahaman politik atau sektor yang terlibat. SPRM juga tidak ada membezakan siasatan terhadap sesuatu kes mengikut profil tinggi atau pun tidak.

274

Bagi tempoh 2013, 2014, 2015, 2016 jumlah tangkapan adalah sebanyak 3,569, jumlah pertuduhan adalah sebanyak 1,444 manakala jumlah sabitan 902.

Antara kes-kes berprofil tinggi yang telah dituduh dalam tahun ini, adalah seperti berikut:

1. Setiausaha Bahagian Kementerian Belia dan Sukan;
2. Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka;
3. Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Bank Rakyat;
4. Pengarah dan bekas Timbalan Pengarah Jabatan Air Sabah;
5. Pegawai Markas Angkatan Tentera Malaysia;
6. Pengarah Besar dan Timbalan Pengarah Besar FELDA;
7. Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan Tabung Haji Heavy Industry
8. Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
9. Bekas Pengarah TEKUN Nasional;
10. Pengarah Kanan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM)
11. Pegawai Khas Datuk Melaka
12. Pegawai Kanan Zakat Pulau Pinang
13. Bekas Pengarah Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Labuan
14. Bekas EXCO Perumahan Johor
15. YDP Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Perak
16. CEO Zakat Pulau Pinang

Sekian, terima kasih.